

# PM minta pengusaha hotel kikis sikap mahu cepat kaya

Oleh Khalid Mohd.

PULAU KAPAS (Marang) 14 Julai — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini sekali lagi menggesa pengusaha-pengusaha pusat peranginan supaya mengikis sikap hendak cepat kaya dan membina hotel dan chalet untuk pelancong tempatan yang tidak mampu menginap di hotel mahal.

Hotel dan chalet yang mengenakan bayaran yang sederhana sudah tentu akan juga menarik lebih ramai pelancong asing, ujarnya.

## Khuatir

Perdana Menteri khuatir sikap hendak cepat kaya dari tidak mempedulikan ke selesaan pelanggan akan merosakkan industri pelancongan negara kerana para pelancong akhirnya akan merasa tertipu dan tidak akan datang lagi.

Berucap merasmikan Pri mula Kapas Island Villag Resort di sini hari ini, beliau menceritakan bagaimana terdapat penduduk tempatan mengusahakan chalet yang buruk tanpa kemudahan asas yang cukup, tetapi mengenakan bayaran yang tinggi hingga \$70 semalam.

## Tertipu

"Pemilik chalet akan untung besar, tapi mereka (pelancong) akan merasa tertipu dan tidak akan datang lagi. Mereka juga sudah tentu akan menceritakan pengalaman buruk ini kepada orang lain.

"Kalau keadaan ini berterusan industri pelancongan akan mati," ujar Perdana Menteri.

Kerajaan, kata Dr. Mahathir, mahu para pengusaha hotel dan chalet mengadakan kemudahan yang selesa dengan harga yang sederhana tapi tidak merugikan.

"Kita hendaklah berfikir untuk jangka masa panjang jangan ingat hendak untung hari ini sahaja. Kita mahu para pelancong datang semula dan pulang membawa kebaikan tentang negara kita," tegasnya.

LIHAT MUKA 2

## SAMBUNGAN DARI MUKA 1

# PM MINTA PENGUSAHA HOTEL KIKIS SIKAP MAHU CEPAT KAYA

Beliau berkata, para pengusaha hotel dan chalet hendaklah mengambil keuntungan yang tidak terlalu tinggi, tetapi keuntungan yang kekal.

Dr. Mahathir menarik perhatian bagaimana di Pulau Langkawi terdapat pengusaha hotel yang mengenakan bayaran hingga \$1,000 semalam dan pelancong asing yang terpaksa bayar juga.

"Janganlah perah pelanggan kerana hendak cepat kaya. Memang sekarang ini terdapat banyak penyakit hendak cepat kaya," ujarnya.

Perdana Menteri berkata, beliau yakin pihak pengusaha

tidak mengadakan hotel dan chalet yang kadarnya sederhana dan mampu diinap oleh rakyat dari golongan yang tidak kaya.

Satu contoh yang akan menjadi hakikat tidak lama lagi ialah pembukaan Delima Resort di Langkawi yang akan menyediakan hotel 1,200 bilik dengan bayaran hanya \$55 semalam.

Menurutnya, hotel ini akan menyediakan segala kemudahan asas yang diberikan oleh hotel yang lebih besar dan mahal.

Katanya, pemilik resort itu yakin dia boleh mendapat keuntungan walaupun menge-

nakan kadar yang begitu sederhana dan beliau sendiri percaya pelaburan jangka panjang seperti ini pasti akan membawa pulangan.

Dalam hubungan ini, ujarnya, pihak pengusaha hendaklah cuba mengurangkan kos supaya tidak perlu mengenakan bayaran yang tinggi.

Dr. Mahathir juga menggesa rakyat supaya turut melancong untuk mengenali negara sendiri sebelum melancong ke negara orang.

Dengan cara ini, katanya, rakyat akan dapat melihat sendiri pembangunan dan kemajuan yang telah dicapai dan menghargai negara sendiri.

14/7/92